



## **KENYATAAN MEDIA**

12 Februari 2016

### **UKM TAWAR KERJASAMA BANTU STEM DAN KANAK-KANAK AUTISME**

Pauh Putra, 12 Februari – Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mengadakan lawatan ke Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan negeri Perlis bagi mencapai kerjasama di antara kedua-dua universiti ini, hari ini.

Lawatan delegasi yang diketuai Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UKM, Dato' Prof Dr Mazlim Mokhtar bersama Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat , Dato' Prof Dr Imran Ho Abdullah, dekan-dekan, serta ketua-ketua jabatan UKM disambut oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UniMAP, Prof Madya Dr Mohd Foad Sakdan.

Sempena lawatan berkenaan, UKM berhasrat bagi mengadakan kerjasama dengan UniMAP bagi membantu golongan autisme memandangkan UKM mempunyai makmalnya sendiri berkaitan autisme selain turut mempunyai kursus khas pengajian diploma dalam bidang autisme yang ditawarkan di universiti itu.

Selain kerjasama mengenai autisme, UKM juga bersetuju bagi mengadakan kerjasama dengan UniMAP bagi mengkaji punca penurunan Kejuruteraan Teknologi Sains dan Matematik (STEM) di kalangan pelajar sekolah.

Perbincangan itu turut dihadiri dekan-dekan dan ketua-ketua jabatan UniMAP selepas UKM dibawa melawat Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra (PTSFP), di sini.

**Dikeluarkan Oleh :**

**AININULNIZA MOHD YUSOF**

Pegawai Perhubungan Media UniMAP